masjidal-azhar
al-Mimbar
JOURNAL
An International, Peer-reviewed, Open Access, Academic Journal

MEMASYARAKATKAN MASJID BERASASKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Hailan Salamun,[1] & Rofishah Rashid[2]

[1]Centre for Fundamental Education and Continuing Studies (PPAL), University Malaysia Terengganu (UMT), 21030, Kuala Nerus, Terengganu.

[2]JAPIM, Institute of Teacher Education (IPG), Kampus Dato' Razali Ismail, 21030, Kuala Nerus, Terengganu.

Corresponding Author: Hailan bin Salamun. Centre for Fundamental Education and Continuing Studies (PPAL), University Malaysia Terengganu (UMT), 21030, Kuala Nerus, Terengganu. Email: hailan@umt.edu.my.

Abstrak

Kewujudan masjid dalam sejarah Islam membuktikan bagaimana perkembangan ilmu pengetahuan menjadi lambang kepada keagungan sesebuah tamadun. Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan satu proses untuk mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan. Namun tidak semua institusi bersedia mengubah pendekatan bagi meningkatkan dayasaing dan juga penghayatan ilmu dalam kehidupan. Kajian menunjukkan faktor kepemimpinan dan hubungan baik dengan komuniti mempunyai kesan terhadap perubahan dalam institusi masjid, bergantung kepada suasana seperti adanya matlamat, struktur organisasi, sumber tenaga dan budaya organisasi. Institusi masjid merupakan tempat yang sesuai untuk menjana pemikiran dan penghayatan Islam dengan memperkasakan potensi dalaman dan luaran seseorang ahli komuniti. Kajian yang akan dijalankan bertujuan untuk mencari jawapan tentang tahap kesedaran masyarakat dan penglibatan dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak masjid. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan disokong dengan dapatan kajian kuantitatif. Seramai 90 orang responden daripada tiga buah masjid dipilih untuk menjawab soalan kaji selidik dan dianalisis menggunakan program SPSS bagi melihat pencapaian daripada aspek peratusan. Data-data ini kemudiannya dianalisis menggunakan ATLAS.ti untuk menghasilkan tema dan kategori yang dilaporkan secara deskriptif dan interpretif. Dapatan kajian menunjukkan beberapa faktor yang mempengaruhi PSH iaitu: pengurusan, aktiviti pembelajaran, kepimpinan, sokongan dan hubungan kemasyarakatan serta budaya ilmu

Kata kunci*:* Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Pusat Hentian, Kepimpinan, Budaya ilmu, Kemasyarakatan

Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management
Vol. 2, No. 2, December 2022
eISSN : 2682-8804

(SOCIALIZING THE MOSQUE BASED ON LIFELONG LEARNING)

Abstract

The existence of mosques in Islamic history proves how the development of science became a symbol of the greatness of a civilization. Lifelong Learning (LPH) is a process of acquiring knowledge, skills and competencies either formally or informally based on experience and training. However, not all institutions are ready to change their approach to increase competitiveness and also the appreciation of knowledge in life. The study shows that the factors of leadership and good relations with the community have an impact on the change of mosque institutions, depending on the atmosphere such as the existence of goals, organizational structure, energy resources and organizational culture. The mosque institution is a suitable place to generate thoughts and appreciation of Islam by empowering the internal and external potential of a member of the community. The research that will be conducted aims to find answers about the level of awareness and involvement of the community in the activities carried out by the mosque. This study uses a qualitative research design and is supported by quantitative research findings. A total of 90 respondents from three mosques were selected to answer the survey questions and analyzed using the SPSS program to see the achievements from a percentage point of view. This data was then analyzed using ATLAS.ti to produce descriptive and interpretive reported themes and categories. The findings of the study show several factors that influence PSH, namely: management, learning activities, leadership, support and community relations as well as knowledge culture.

Keywords: *: Lifelong Learning (PSH), Stop Center, Leadership, Knowledge Culture, Community.*

Received: October 27, 2022 Accepted: December 22, 2022 Online Published: December 31, 2022

1. Pendahuluan

Kewujudan masjid dalam sejarah Islam membuktikan bagaimana perkembangan ilmu pengetahuan menjadi lambang kepada keagungan sesebuah tamadun. Kehidupan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W menunjukkan fungsi masjid mempunyai hubungan yang kuat dengan perkembangan ilmu setelah Baginda berhijrah dari kota Mekah ke kota Madinah. Sehubungan dengan itu, masjid dilihat berperanan sebagai pusat pendidikan utama pada zaman-zaman permulaan Islam. Masjid merupakan institusi yang bertanggungjawab menyebarluaskan ilmu pengetahuan untuk mencorakkan kehidupan masyarakat berlandaskan ajaran Islam. Para ilmuan telah memainkan peranan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan ke seluruh dunia. Namun, pada pertengahan abad ke 13, peranan utama masjid sebagai pusat kecemerlangan pendidikan mula terhakis. Keadaan ini disebabkan oleh wujudnya pusat-pusat pengajian tinggi yang memisahkan kepentingan agama dan

kepentingan dunia. Pada ketika itu fungsi masjid semakin mengecil dan hanya menjurus kepada hal-hal keagamaan sahaja. Kepentingan masjid ada dijelaskan di dalam al-Quran:

> *Terjemahan: "Hanya orang yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka adalah diharapkan mereka terdiri dari golongan yang mendapat petunjuk." (at-Taubah:18)*

Usaha pengimarahan masjid adalah menghidupkan masjid dengan aktiviti keilmuan dan menjadi pusat pengembangan ajaran Islam di dalam masyarakat. Perkara ini termasuk berulang alik ke masjid, mendirikan solat jemaah, iktikaf dan lain-lain kegiatan ibadah, keagamaan, dakwah dan pendidikan seperti majlis ilmu, kuliah, ta`liim dan sebagainya (Nafisah & Kamal Ashaari, 2015). Menurut tafsir Al-Mararaghiy (2001) golongan yang berhak memakmurkan (menghidupkan) masjid dan juga rumah Allah S.W.T. itu hanyalah mereka yang meletakkan keimanan kepada Allah S.W.T. semata-mata, berdasarkan apa yang terkandung dalam kitab-Nya iaitu mentauhidkan-Nya, melakukan ibadah dan bertawakkal kepadanya. Seterusnya diikuti dengan orang yang beriman dengan hari akhirat, mendirikkan solat serta mengeluarkan zakat. Ia memberi gambaran bahawa institusi masjid menjadi kayu ukur kepada penghayatan dan perkembangan Islam dalam sesebuah masyarakat.

Institusi masjid merupakan sebuah institusi pendidikan yang utama meliputi pelbagai bidang ilmu. Oleh kerana pentingnya pengajian ilmu, baginda Rasulullah S.A.W. telah mengkhususkan satu sudut pembelajaran di Masjid Nabawi yang dikenali sebagai al-Suffah, yang menjadi tempat bagi orang-orang fakir berlindung dan mempertahankan diri mereka di situ untuk tujuan menuntut ilmu. Al-Suffah dijadikan tempat tinggal orang-orang yang memeluk lslam yang tidak mempunyai rumah dan keluarga (Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah, et. al., 2011). Zulkiflee Haron (2007) membuktikan peranan institusi masjid sepanjang abad ke 3H hingga ke 5H sebagai institusi pengantara dalam proses pendidikan. Fenomena ini telah mengubah fungsi masjid menjadi sebuah institusi yang menawarkan pelbagai ilmu pengetahuan sehingga menempatkan kedudukan institusi masjid sebagai pusat pembelajaran tinggi dalam bidang agama Islam. Antara cendekiawan ulung meraih ilmu daripada institusi-institusi ini ialah Ibnu Khaldun yang belajar di Universiti Zaituna di Tunisia dan Sheikh Yusuf Al-Qardhawi yang berkelulusan daripada universiti Al-Azhar di Mesir (Md. Noor, 2014).

Menurut Mohd Ruzaini et.al., (2014) institusi-institusi masjid di Malaysia dilihat masih lagi kurang berupaya untuk membangun masyarakat Islam, yang dapat melahirkan generasi sehebat para Sahabat Nabi mahupun para Tabiin dan Tabi' Tabiin. Suasana institusi masjid pada hari ini mempunyai gambaran yang agak berbeza sebagaimana gambaran suasana institusi masjid di peringkat sejarah awal Islam. Beberapa dapatan kajian mendapati bahawa masjid dilihat kurang memberi impak kepada peningkatan kebajikan masyarakat (Alfiana, 2021); tidak dapat mengembangkan kefahaman sebagai institusi sosial, (R.D.R. Fitradansani, 2018); tidak berupaya membangunkan ekonomi ummah, (Noradha Abd. Hamid, 2015); aktiviti ummah terpisah daripada masjid, (Nurul Husna Mansor, 2017);

masjid tidak mesra masyarakat, (Jamilia Mohd. Marsin, 2017); sebahagian masjid hanya memfokuskan kepada aktiviti ilmiah dan kerohanian (Rofishah Rashid, 2018). Malah institusi masjid hanya menjadi tumpuan golongan tua berusia 40 tahun ke atas (Nizatia, 2010). Penglibatan dan sambutan masyarakat seperti golongan belia, remaja dan wanita terhadap aktiviti-aktiviti institusi masjid tidak begitu menggalakkan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini melihat PSH merupakan salah satu budaya ilmu yang dapat mengenengahkan suasana pengimarahan masjid. Delors (1996) meletakkan empat tonggak pendidikan dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat, iaitu; (i). Belajar untuk tahu - menguasai alat pembelajaran dan bukannya pemerolehan pengetahuan berstruktur. (ii). Belajar apa yang perlu - melengkapkan orang untuk jenis kerja yang diperlukan sekarang dan pada masa akan datang termasuk inovasi dan penyesuaian pembelajaran dengan persekitaran kerja masa depan.(iii). Belajar untuk hidup bersama-sama- secara aman menyelesaikan konflik, menemui orang lain dan budaya mereka, memupuk keupayaan komuniti, kecekapan individu dan keupayaan, daya tahan ekonomi, dan isu sosial. (iv). Belajar untuk kemenjadian - Pendidikan menyumbang kepada pembangunan lengkap seseorang: minda dan badan, kecerdasan, kepekaan, penghargaan estetik dan kerohanian. Pendekatan ini diperkukuhkan dengan pandangan Ibn Khaldun (2006) yang menjelaskan proses pendidikan berkembang seiring dengan perkembangan potensi manusia. Bermula dengan proses penciptaan manusia yang bermula dengan setitits air mani, berkembang menjadi segumpal darah, membentuk tulang belulang dan menjadi sekujur tubuh manusia yang sempurna. Dalam kajian ini, budaya pembelajaran yang ditekankan dalam pembelajaran sepanjang hayat dikaitkan dengan mempromosikan tunjang pembelajaran, iaitu; (i)- Tunjang pengetahuan umum; (ii)-Tunjang pembangunan Insan; (iii)-Tunjang kemahiran; dan (iv)-Tunjang kemasyarakatan. Namun, kajian ini hanya memfokuskan Tunjang kemasyarakatan untuk melihat faktor-faktor PSH yang boleh mengangkat usaha pengimarahan dan seterusnya meningkatkan penglibatan ahli kariah terhadap aktiviti yang dianjur oleh masjid.

2. Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan rekabentuk kajian kes dengan mengambil kaedah penyelidikan kualitatif yang menjadikan penyelidik selaku instrumen. Rekabentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan data mentah seperti kaedah temu bual (FGD), serta soal selidik sebagai data sokongan. Responden temu bual terdiri daripada lapan orang yang dipilih dalam kalangan kakitangan pengurusan dan kepimpinan masjid. Seramai 90 orang responden daripada tiga buah masjid dipilih untuk menjawab soalan kaji selidik dan dianalisis menggunakan program SPSS bagi melihat pencapaian daripada aspek peratusan. Data-data ini kemudiannya dianalisis menggunakan ATLAS.ti untuk menghasilkan tema dan kategori yang dilaporkan secara deskriptif dan interpretif.

3. Dapatan dan perbincangan

Latar belakang peserta kajian adalah dari pegawai kakitangan masjid dari tiga buah masjid terkemuka iaitu Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah As Salam Puchung Perdana dan Masjid Al-Muktafi Billah Ladang, Kuala Terengganu. Pemilihan masjid ini berdasarkan kepada kedudukan atau status masjid dan kategori masjid di peringkat negeri dan

kebangsaan. Selain itu pengkaji juga melihat kepada ciri-ciri yang khusus merangkumi empat tunjang PSH yang ingin difokuskan. Seramai lapan orang kaki tangan masjid yang terdiri daripada imam-imam dan juga pegawai masjid lelaki dan perempuan telah dipilih sebagai peserta kajian iaitu enam orang lelaki dan dua orang perempuan bagi mendapatkan maklumat yang boleh digunakan bagi menjawab objektif kajian ini.

3.1 *Penerimaan masyarakat terhadap PSH di masjid*

Berdasarkan kajian, data-data ini menggambarkan maklum balas masyarakat ahli kariah masjid terhadap aktiviti Pembelajaran Sepanjang Hayat di masjid yang dikaji. Trianggulasi dapatan temu bual dengan pemerhatian serta soal selidik secara umum menggambarkan penerimaan yang positif dari sudut minat, komitmen, kesedaran, serta penghayatan terhadap ahli jemaah dan masyarakat sekitar masjid. Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan temu bual kajian mendapati aktiviti PSH di tiga-tiga buah masjid yang dikaji mendapat sambutan yang positif serta menggalakkan dari masyarakat sekitar masjid. Kesedaran yang timbul dalam kalangan ahli kariah masjid sentiasa mengunjungi masjid kerana minat untuk menambah ilmu. Hal ini menunjukkan bahawa kesan aktiviti dan program PSH di masjid dapat menghidupkan budaya ilmu di masjid.

Berikut adalah kenyataan-kenyataan temu bual bersama peserta-peserta kajian:

> *"Penerimaan masyarakat program di Masjid Al-Mukhtafi Bilal Shah atau Masjid Ladang. Tagline masjid ini jamaatul ummah, masjid berjiwa rakyat, ramai jemaah yang hadir aktiviti-aktiviti yang banyak tertumpu kepada kelas-kelas. Contoh, kelas untuk wanita iaitu kelas Ustazah Hawa, kehadiran semakin hari semakin meningkat, maka kita boleh nampak ada ilmu yang mereka dapat, setiap hari ahad seramai "100 orang akan hadir, memang penuh dewan la ustazah. Alhamdulillah dari segi kehadiran kerana ianya meningkat dari hari ke hari".*
>
> (P6/ Masjid Daerah)

> *"Waktu kemuncak di masjid ini dengan kehadiran para jemaah sama ada ramai atau tidak, adalah pada Kuliah Maghrib. Antara maklum balas yang diterima misalnya adalah sebab-sebab pemilihan para Pengkuliah. Pemilihan dibuat contohnya dari segi kepakaran Pengkuliah itu dalam bidang Feqah di mana masyarakat perlu lebih tahu kepada hukum-hukum Feqah dengan lebih jelas. Ada juga yang mengkritik Pengkuliah-Pengkuliah tersebut contohnya, suara Pengkuliah terlalu perlahan dan lontaran suara tidak dapat didengar dengan jelas. Sehubungan dengan itu, pihak masjid pula akan berbincang dengan pihak ahli jawatankuasa masjid bagi sebarang penambahbaikan".*
>
> (P5/ Masjid Kariah)

> *"Memang tidak ada intensif sebab masjid ini banyak memberi khidmat, bergantung kepada jemaah yang mahu mengambil kesempatan yang kita bagi sepertimana kuliah setiap hari ada, sama ada mahu datang atau tidak, kita tidak boleh kawal mereka. Jadi kita Nampak kesedaran itu ada untuk datang. Masjid ini antara khidmat-khidmat yang kita bagi adalah*

kaunseling, kelas mualaf, kursus perkahwinan dan banyak lagi kursus-kursus yang kita tawarkan dan merasakan bahawa jemaah perlu kepada khidmat-khidmat sebegini.

(P5/ Masjid Kariah)

Berdasarkan penyataan temubual dengan peserta kajian mendapati ahli kariah masjid memberi reaksi yang positif terhadap program-program dan juga aktiviti yang dianjurkan. Hal ini dilihat pada kesedaran, minat, komitmen serta penghayatan ahli kariah . Dari temu bual dan pemerhatian yang dibuat oleh penyelidik, didapati kehadiran ahli kariah ke kuliah-kuliah dan kelas-kelas pengajian adalah sangat memuaskan. Kesedaran dan komitmen masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti masjid adalah disebabkan hasil keberkesanan program dan aktiviti yang mereka ikuti. Kenyataan ini dapat dilihat pada kenyataan-kenyataan berikut:

"Kita melihat setiap aktivti yang kita buat ini ada keberkesanannya, contohnya usrah, kem, kelas atau kursus yang kita buat ini berkesan. Jadi, bila berkesan orang akan datang lagi, di masjid ini juga".

(P5/ Masjid Kariah)

"Dari segi penghayatan, Alhamdulillah setakat ini, contohnya salah seorang daripada jemaah kami, dia akan berkampung di masjid setiap kali apabila kami mengadakan program-program di masjid".

(P6/ Masjid Daerah)

"Manakala bagi pelajar metadon, ada yang dari mula-mula mereka tak kenal huruf dan Alhamdulillah sekarang dah boleh mengaji walaupun sedikit".

(P6/ Masjid Daerah)

"Dan suka saya nak maklumkan kepada Ustazah, rentetan daripada program tabaruad, tujuan utama program ini adalah untuk membantu golongan yang memerlukan dan juga memberi kesedaran kepada mereka bahawa apabila mereka maklum bahawa pihak masjid menyediakan makanan, mereka akan datang ke masjid dan dalam pada masa yang sama mereka hadir untuk solat. Dan kami berdoa supaya Allah memberi dan buka pintu hati mereka untuk datang ke masjid".

(P6 /masjid Daerah)

Ringkasnya ke tiga-tiga masjid yang dikaji mendapat sambutan yang menggalakkan dan memberi kesan yang positif pada masyarakat dari sudut kesedaran, minat, komitmen dan penghayatan. Berdasarkan kenyataan temu bual di atas masyarakat mula menaruh kepercayaan terhadap kepimpinan masjid. Perkara ini dilihat apabila aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid memberi kesan yang positif kepada ahli kariah serta masyarakat termasuk pelajar untuk menghadiri aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ada juga ahli kariah yang datang ke masjid untuk belajar membaca al-Quran sehingga dia dapat membaca.

3.2 *Hubungan Kemasyarakatan*

Sokongan ahli kariah terhadap tunjang PSH akan mempengaruhi kepemimpinan masjid mengubah halatuju sama ada berfokus ataupun bergerak hingga boleh menjana budaya ilmu

dengan memartabatkan masjid sebagai pusat pendidikan, pusat kemasyarakatan, pusat pembangunan ekonomi yang digambarkan sebagai Pusat Hentian Setempat

Hubungan kemasyarakatan dalam kajian ini boleh diertikan sebagai membina hubungan baik ahli jawtaankuasa masjid dengan orang ramai atau ahli kariah . Hubungan kemasyarakatan menjadi salah satu faktor penting pengukur kepada sambutan orang ramai dan juga ahli kariah memberi reaksi positif terhadap setiap aktiviti yang dijalankan masjid. Ahli jawatankuasa yang memberi tumpuan untuk mendekatkan ahli kariah boleh mengeratkan hubungan dan komitmen tinggi mereka melibatkan diri dengan segala aktiviti yang dirancang. Aktivit-aktiviti kemasyarakatan, kebajikan serta program membangunkan potensi ahli kariah sedikit sebanyak boleh membuka ruang kepada mereka menjadikan masjid dekat di hati.

Apabila setiap aktiviti masjid mendapat sambutan masyarakat setempat, sesebuah masjid akan sentiasa dikunjungi orang ramai dan menjadi pusat hentian masyarakat bagi memenuhi fungsi pengimarahan masjid. Pendekatan ini sesuai dengan pandangan Sidi Ghazalba (1976) menyarankan untuk memperkasakan masjid, fungsi masjid hendaklah dikembangkan menjadi sebuah institusi pembangunan dan mobilasi ummah. Masjid seharusnya menjadi nadi kehidupan masyarakat dan institusi yang diiktiraf, sama ada bagi masyarakat Islam mahupun yang bukan Islam.

Sehubungan dengan itu, dapatan kajian membuktikan beberapa masjid telah menganjurkan beberapa aktiviti kemasyarakatan, di antaranya; (i) Rawatan percuma dari pihak hospital dan penerangan tentang ubat-ubatan dari pegawai farmasi; (ii) Sumbangan makan dari pihak hotel untuk diagihkan kepada masyarakat yang memerlukan seperti fakir miskin dan para musafir dan sebagainya; (iii) Sumbangan kebajikan barang-barang dapur kepada ahli kariah yang miskin dan berhajat; (iv) Program untuk pesakit; (v) Rawatan Berbekam dari pakar rawatan traditional; (vi) Latihan-latihan kemahiran dari kolej komuniti; dan (vii) Kerjasama Kerajaan negeri memberikan dana dan peruntukan untuk aktiviti-aktiviti masjid.

Namun dapatan kajian tidak mengaitkan budaya ilmu sebagai faktor mempengaruhi PSH di masjid. Ini berkemungkinan kebanyakan peserta temubual telah menganggap semua aktiviti yang dijalankan di masjid sudah menggambarkan wujudnya budaya ilmu. Menurut Barnett dan McCormick (2004) ahli organisasi atau penduduk tempatan yang memberikan reaksi positif terhadap aktiviti pembelajaran hingga melahirkan hubungan baik dengan ahli jawatankuasa masjid merupakan petunjuk wujudnya budaya ilmu. Namun menurut Leithwood dan Jantzi (2000) kepemimpinan atau jawatankuasa masjid hanyalah sebagai perantara untuk mewujudkan budaya belajar yang positif. Namun Ahmad Nabil Amir (2009) berkeyakinan masyarakat yang menghayati kehidupan beragama secara tidak langsung menyedari tentang peri pentingnya ilmu dalam kehidupan.

3.3 Kepemimpinan Masjid

Roslan Mohamed (2008) menyatakan keadaan masyarakat muslim hari ini menghadapi pelbagai isu dan cabaran semasa di antaranya ialah masjid diurus tidak secara profesional dan keadaan ini tidak relevan dengan keperluan dan tuntutan perkembangan semasa. Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman (2004) berpandangan kepimpinan yang

tidak dapat menaikkan imej dan status masjid serta program pengimarahan yang terbatas menyebabkan fungsi sebenar masjid tidak dapat berjalan dengan baik. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian membuktikan bahawa kepemimpinan masjid seharusnya diperkasakan. Kepemimpinan dilihat seagai salah satu faktor penting yang dapat menggerakkan masjid mewujudkan pembelajaran sepanjang hayat. Seorang pemimpin akan menggerakkan sesebuah masjid dengan menentukan wawasan atau visi dan misi tertentu yang akan disempurnakan sepanjang seseorang nazir atau pemimpin mengetuai barisan ahli jawatankuasa mentadbir dan mengurus masjid.

4. Penutup

Dapatan analisis temu bual berikut menunjukkan kesan yang positif terhadap masyarakat yang kerap mengunjungi masjid, dan ianya juga menampakkan wujudnya aktiviti pembelajaran sepanjang hayat di tiga-tiga buah masjid yang dikaji. Berdasarkan data-data yang diperoleh menggambarkan maklum balas masyarakat terhadap PSH adalah positif dan memuaskan. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden suka datang ke masjid kerana mempunyai tujuan untuk mendengar kuliah dan untuk dapatkan ilmu masyarakat. Dapatan kajian juga menunjukkan yang hadir ke masjid adalah mereka yang mempunyai kesempatan masa, ia berkemungkinan ramai penduduk tempatan atau ahli kariah dari kalangan yang bekerja.

Kosep PSH dalam kajian ini merangkumi empat tunjang pembelajaran, iaitu pengetahuan umum, pembangunan Insan, kemahiran dan kemasyarakatan. Manakala pengoperasian PSH di masjid begitu menitikberatkan faktor-faktor yang mempengaruhi perjalanan empat tunjang PSH sama ada berfokus ataupun bergerak hingga sampai pada tahap Pusat Hentian Setempat (*One Stop Centre*). Proses menggerakkan PSH bergantung kepada faktor-faktor berikut, iaitu; kepemimpinan, pengurusan, kemasyarakatan, tunjang PSH, sumber masjid dan budaya ilmu.

Kepemiminan dan kemasyarakatan merupakan pembolehubah yang akan menentukan sejauhmana tunjang PSH boleh digerakkan. Kepemimpinan yang bijak dan cekap mengurus mampu membaca profil masyarakat meletakkan halatuju masjid untuk menggerakkan PSH berfokus ataupun bergerak pada tahap Pusat Hentian Setempat. Manakala tunjang PSH dioptimumkan hingga boleh menjana budaya ilmu bergantung kepada sumber masjid sama ada dalam aspek tenaga kerja, prasarana, dana dan tabungan kukuh, informasi berkesan dan parkir yang luas. Sokongan ahli kariah terhadap tunjang PSH akan mempengaruhi kepemimpinan masjid mengubah halatuju sama ada berfokus ataupun bergerak hingga boleh menjana budaya ilmu dengan memartabatkan masjid sebagai pusat pendidikan, pusat kemasyarakatan, pusat pembangunan ekonomi yang digambarkan sebagai Pusat Hentian Setempat.

RUJUKAN

Abdul Aziz, H., Abdul Rashid, S.A. & Abdul Muin, A.R. (2002). Pengurusan masjid negeri Perlis: Satu tinjauan. Arau, Perlis: Biro Penyelidikan dan Perundingan UiTM. Dimuatturun pada 28 November 2016, daripada http://07615masjid.blogspot.com/2008/04/kajian-pengurusan-masjid-negeri-perlis.html

Ahmad Puhad bin Alim dan Siti Rodhiah bt. Abdullah (2010) *Audit Pengurusan Masjid: Kajian Di Daerah Pasir Puteh, Kelantan*, Fakulti Pendidika: Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Nawawi Yaakob, Ramlee Ramlan dan Rashidah Ahmad Dahari. (2008). Manual Prosedur Kerja (MPK): Ke Arah Memantapkan Pengurusan Masjid, Muhd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid. Johor: Penerbit UTM

Abdul Munir Ismail. (2012). *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris

Adel Abdul Aziz (2007) Kepentingan dan Peranan Masjid Dari Sudut Pendidikan Dalam Masyarakat. Skudai: Penerbit UTM.

Adel M. Abdul Aziz, Ahmad Kamel Mohamed Dan Nidzamuddin Zakaria. (2008). Kepentingan dan Peranan Masjid dari Sudut Pendidikan dalam Masyarakat Islam. Dalam Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), Pengurusan berkualiti memacu kecemerlangan pengurusan masjid. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai: Penerbit UTM.

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri dan Mohd Rasul Mohammad Noor (2007). *Peranan dan Kepentingan Pengurusan Sumber Manusia dalam Pengurusan Masjid*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan pengurusan Masjid anjuran Masjid Sultan Ismail, UTM dan Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

Al-Bakri, Zulkifli Mohamad. (2007). Himpunan Hadis Modal Insan. Kuala Lumpur: Telaga Biru

al-Marāghiy, Ahmad Mustafā al-Marāghi. (2001). *Tafsīr al-Marāghi.* Terj: Muhammad Thalib: Jilid 12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Faruq, Asadullah. (2010). Panduan Lengkap Mengelola dan Memakmurkan Masjid. Solo: Pustaka Arafah.

Asmak Haji Ali dan Hashim Mat Said (2007). *Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid anjuran Masjid Sultan Ismail, UTM dan Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

Aspin, D., Chapman, J. (2001). Towards a Philosophy of Lifelong Learning. In: Aspin, D., Chapman, J., Hatton, M., Sawano, Y. (eds) International Handbook of Lifelong Learning. Springer International Handbooks of Education, vol 6. Springer, Dordrecht. https://doi.org/10.1007/978-94-010-0916-4_1

Barnett, K., & McCormick, J. (2004, August). *Leadership and individual principal* –teacher relationships in schools. *EAQ*, *40*(3), 406-434.

Delors, Jacques. (1996). "Education for tomorrow," *UNESCO Courier*, volume 49, number 4, and at www.unesco.org/education/pdf/DELOR2_E.PDF, accessed 29 January 2015.

Fatimah Nadirah Mohd Noor, Nor Hayati Md Dahlal. (2015). Konsep Modal Insan Dalam Perlembagaan "Itqanul Muluk Bi Takdil As-Suluk". *Journal of Human Capital Development*. Vol. 8, No. 2, pp101-114.

Hailan Salamun. (2010). Kepemimpinan Rabbani Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Institut Pengajian Kepengtuaan, Universiti Malaya.

Hall, B.P. (2001), "Values development and learning organizations", *Journal of Knowledge Management*, Vol. 5 No. 1, pp. 19-32.

Hargreaves, D. (2004) *Education epidemic: Transforming secondary schools through innovation networks.* London, UK: Demos.

Idris Ahmad, Ismail b. Md. Saman, Abd. Rashid Said Asghar, Yahya Ismail, dan Abdul Rahman b. Said (1998) Satu Kajian Awal Kedudukan Masjid di Negeri Perlis. Shah Alam: UiTM.

Ibn Khaldun. (2006). *Mukaddimah.* Kuala Lumpur. Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Idam Mustofa. (2016). Kajian Deskriptif-Komparatif Epistemologi. Pendidikan Ibnu Khaldun Dan Fazlur Rahman. JOIES: *Journal of Islamic Education Studies*. Vol. 1, No.1, pp. 122-154.

Ismail Mustari dan Jasmi, K. A. (2008). Pengimarahan Masjid dalam Agenda Ummah (Penyelenggara). Skudai, Johor Baru: Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0507-1.

Joni Tamkin Borhan & Che Zarrina Saari. (2003). Pembangunan ekonomi masjid. Dlm. Norrodzoh Siren & Yusmini Md. Yusof (Penyt.), Membangun institusi masjid. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication. (Kementerian pengajian Tinggi, 2015).

Kementerian Pengajian Tinggi. (2015). *Portal Rasmi Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Dimuat turun pada 28 April 2017 daripada http://www.mohe.gov.my/portalpsh/?p=5980

Kementerian pengajian Tinggi (2015). Portal Rasmi Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Diambil daripada http://www.mohe.gov.my/portalpsh/arkib/5980

Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad (1996). *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Melaka: Majlis Islam Melaka.

Mahazzan Abdul Mutalib & Abdullah Abdul Ghani. (2014). *Leadership Development Model for Religious Leaders*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Press, Kuala Lumpur.

Mahazan Abdul Mutalib, & Abdullah Abdul Ghani. (2013). A Model of Imam's Leadership and Mosque Performance in Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(2), 53–64.

Maimun Aqsha Lubis dan Mohd. Sofian Mat Ludin. (2013). *Masjid sebagai pusat pembangunan sahsiah dan peradaban remaja rabbani*. Dalam Maimun Aqsha Lubis (3rd. Ed.), Peradaban Islam dan Tamadun dunia (3rd. Ed., pp. 35-50). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Marita Lailian Rahman. (2016). Konsep Belajar Menurut Islam. *AlMURABBI*.Vol. 2, Nom. 2, pp. 230-249.

Mohd. Ismail Mustari (2008) *Pengimarahan Masjid Dalam Agenda Ummah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Rozaini Mohd Rahim, Mahazan Abdul Mutalib, Abdullah Haji Abdul Ghani, Muhammad Hashim, Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Razali, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Azman Ab.Rahman. (2014). *Kepimpinan, Prestasi Masjid, Dan Pembangunan Komuniti Menurut Al-Quran Dan Hadith* (pp. 16–31). Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014), Kuala Lumpur, December.

Mohammad Muchlis Solichin. (2006). Belajar dan Mengajar dalam Pandangan al-Ghazâlî. *Tadrîs*. Vol.1. Nom. 2.pp.139-153

Moh. Abu Suhud. (2005). Pendekatan Andragogi dalam Pengembangan Masyarakat. *Aplikasia, Jurnal Aplikasi llmu-ilmu Agama*, Vol. VI, No. 1, pp.1-13

Mohd Nor bin Ihkasan, Nurshahida Bt Md Ab Patah. (2013). Kesediaan Pensyarah Terhadap Perlaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Kursus Jangka Pendek Di Kolej Komuniti. Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (CiE-TVET 2013). Dimuaturun daripada http://eprints.uthm.edu.my/3368/1/Kesediaan_Pensyarah_Terhadap_Perlaksanaan_Pmbelajaran.pdf

Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah, Khairunnisa Ismail, Nor'adha Abdul Hamid, Daud Lin Abdullah, Ahmad Misbah Mohamad Hilmi, Imran Kamal Basah, Intan Fadzlina Ahmad, Suziana Hanini Sulaiman, Asiah Jafri, Siti Hawa Raden Eksan, Sapie Sabilan, dan Nor Effendy Ahmad Sokri. (2011). *Mengembalikan kegemilangan masjid sebagai Qalbu Ilmu dan Pendidikan*. Pembentangan Kertas Kerja pada 2nd. International Conference on Islamic Education 2011pada 19-21 Dec. 2010. Bangi: Selangor.

Muhd Fadli Ismail (2003). *Peranan Masjid*. Kuala Lumpur: Darul Nu'ma

Mohd Zainudin Mohd Esin, Noorhidayah Mansor & Mohamad Shawal Bin Mustafa Kamal. (2014). *Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (Pish):"Membina Hubungan Dan Merapatkan Ukhuwah"*, prosiding Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Md Noor Hussin, Ahmad Redzaudin, Ghazali Mohammad, Rofian Ismail. (2014). Masjid dan Pengajian Bhs Arab: Kajian di Gombak Selangor.Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014) (e-ISBN 978-967-13087-1-4). 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, Malaysia. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Mohd Fadzhil Mustafa, Mohamad Sabri Haron & Hasnan Kasan. (2009). Nilai dan Profesionalisme menurut Imam Al-Juwayni: Fokus terhadap Isu-isu Kepimpinan, Aqidah dan Perselisihan Ummah. *MALIM*. Bil. 10. Pp.107-122

Nafisah Tahir & Kamal Ashaari (2015).*Surah Al-Nur Ajarkan Wanitamu Surah Al-Nur*. Aisyah Humaira` Publication, Kuala Lumpur.

Nasoha Saabin (2001) *Memartabatkan Masjid*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Nizatia Omar dan Zulkifly Muda (2010). *Tahap Pengetahuan dan Penguasaan Ilmu Qiraat dalam kalangan masyarakat Awam Terengganu. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Qiraat dan Qurra'*, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA)

Nor Azzah binti Momin. (2012). *Mengimarahkan Perpustakaan Masjid.* Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012, pada 27 dan 28 Mac 2012, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor.

Nur Hidayah Marzuki @Yahaya. (2015). Leadership in Quality Management – An Islamic Perspective. *International Journal of Business and Social Science.* Centre of Islamic Development Management (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.*Vol. 6, No. 8, p158-163.*

Nu'tih Kamalia. (2015). Konsep Ilmu Pendidikan Menurut Imam Al-Ghazali. *Jurnal At-Ta'dib*. Vol. 10. No. 1, pp.187-201.

Pool, S.W. (2000), "The learning organization: motivating employees by integrating TQM philosophy in a supportive organizational culture", Leadership and Organization Development Journal, Vol. 21 No. 8, pp. 373-378.

Rana Zamin Abbas, Dr. Ishtiaq Ahmad Gondal, Muhammad Rizwan Junaid, Ghulam Ahmad Rana, and Dr. Tahseen Mahmood Aslam. (2012). Managerial Ethics in Islamic Framework. *International Journal of Business and Social Science Vol. 3 No. 7, pp.* 101-115

Roslan Mohamed (2008) Kajian Pengurusan Program Dakwah di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

Roslan Mohamed (2010) *Pembangunan Masyarakat Ke Arah Kesejahteraan Berteraskan Pembangunan Insan*. Universiti Teknologi Malaysia.Dimuat turun daripada: eprints.um.edu.my/3123/1/S4_RoslanMohamad.pdf

Siti Ami Basir. (2004). Pembangunan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, Bil 19, pp. 211-228

Su-Chao Chang, Ming-Shing Lee, (2007) "A study on relationship among leadership, organizational culture, the operation of learning organization and employees' job satisfaction", *The Learning Organization*, Vol. 14 Issue: 2, pp.155-185, https://doi.org/10.1108/09696470710727014

Suryani, H., & Faizah, SI (2015). The Role of the Mosque as a Driving Wheel for the Community Economy. Economy (Descriptive Research on Street Vendors in the Al-Akbar Mosque Area of Surabaya). *Journal of Theoretical and Applied Islamic Economics* , *2* (5), 387–399. https://doi.org/10.20473/vol2iss20155pp387-399

UNESCO. (1972). *Learning To Be (The Faure Report).* UNESCO: Paris.

Zulkiflee Haron, Mohd Nasir Ripin dan Farahwahida Mohd Yusof. (2008). *Masjid Sebagai Institusi Pendidikan: Sorotan Abad Ke-3 H - 5 H*. Dalam Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), Pengurusan berkualiti memacu kecemerlangan pengurusan masjid (1st. Ed., pp. 1-19). Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai: Penerbit UTM.